

## BAB 5

### RUMUSAN KAJIAN

#### 5.0 Pendahuluan

Kajian ini dilakukan oleh penyelidik untuk mengenalpasti masalah-masalah dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum Persatuan Agama Islam di sekolah. Dua buah sekolah menengah di Daerah Hulu Langat telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan kaedah temubual dan soal selidik. Seramai tujuh orang Guru Penasihat Persatuan Agama Islam telah ditemubual dan seramai 78 orang pelajar yang menjadi ahli Persatuan Agama Islam telah diminta untuk menjawab soal selidik yang diberikan.

#### 5.1 Masalah yang dikenalpasti

Masalah-masalah yang telah dapat dikenalpasti dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum Persatuan Agama Islam ialah masalah kewangan, masalah kemudahan, masalah penjadualan masa, masalah kemahiran guru dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum Persatuan Agama Islam.

## 5.2 Dapatan Kajian dan Implikasi

Kajian ini mendapati sekolah yang dikaji mempunyai masalah kewangan dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti Persatuan Agama Islam. Oleh itu pihak sekolah hendaklah menyediakan peruntukkan yang kewangan untuk membantu pelaksanaan aktiviti kokurikulum Persatuan Agama Islam dengan sempurna.

Kajian ini mendapati sekolah yang dikaji tidak mempunyai kemudahan seperti bilik untuk persatuan. Kemudahan merupakan faktor penting dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum Persatuan. Oleh itu Pihak Kementerian Pendidikan perlu menyediakan kemudahan yang lengkap dalam pembinaan sekolah baru..

Kajian ini mendapati guru penasihat tidak mendapat kursus atau bimbingan dalam pengurusan kokurikulum persatuan agama Islam. Justeru itu pihak Kementerian Pendidikan diharapkan dapat mengadakan kursus tersebut dari masa ke semasa sama ada pada musim cuti sekolah atau sebaliknya.

Kajian ini mendapati kebanyakan pelajar bersetuju aktiviti kokurikulum Persatuan Agama Islam tidak mengganggu akademik mereka. Kebanyakan pelajar menyatakan mereka mendapat galakan dari diri sendiri, kawan-kawan, guru-guru dan Ibubapa. Justeru itu, pihak yang terlibat seperti para Ibubapa hendaklah memberi galakan kepada anak-anak untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Pihak sekolah pula perlu menyedia dan mengemaskinikan perancangan aktiviti kokurikulum yang tersusun.

Kajian ini juga mendapati antara halangan pelajar-pelajar dalam menjalankan aktiviti kokurikulum Persatuan Agama Islam adalah seperti membantu urusan ibubapa, menghadiri kelas tuisyen, masalah pengangkutan dan hanya memberi tumpuan kepada

bidang akademik sahaja.

Oleh yang demikian, para ibubapa seharusnya memahami bahawa penglibatan pelajar dalam kokurikulum di sekolah adalah penting. Mereka perlu menyusun jadual khusus bagi anak-anak yang bersekolah termasuklah dari segi pengangkutan. Para guru pula, perlu memainkan peranan yang penting secara proaktif bagi menghadapi masalah ini. Mereka seharusnya menyediakan diri dengan pengalaman yang berkaitan, sebanyak mana yang mungkin, melalui sumber-sumber yang ada dalam menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah dengan penuh tanggungjawab.